

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 24, 2019 7:52 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Jangan Putus Asa Jika Kecewa Gapai Impian



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2019 / 25 SAFAR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

JANGAN PUTUS ASA JIKA KECEWA GAPAI IMPIAN



UUM ONLINE: Kekecewaan dalam menggapai impian mungkin akan ditempuhi graduan walaupun berjaya menamatkan pengajian dengan jayanya di universiti.

Sehubungan itu, Pro-Canselor, Tun Dato' Seri (Dr.) Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim mengingatkan graduan Universiti Utara Malaysia (UUM) supaya tidak berputus asa dan harus menghadapinya dengan gagah serta terus berusaha lebih gigih lagi untuk mencapai cita-cita diinginkan.

Menurutnya, hari ini semua berkongsi kejayaan graduan yang berjaya menamatkan pengajian, namun kejayaan itu hanya merupakan permulaan langkah ke fasa kehidupan yang lebih mencabar.

Katanya, kehidupan selepas universiti pada hari ini tidak menjanjikan pekerjaan dan graduan perlu menghadapi pelbagai cabaran dalam meneroka peluang pekerjaan yang tidak semestinya memenuhi impian diinginkan ketika memulakan pembelajaran di universiti.

Memetik kata-kata Pengasas Apple iaitu Steve Jobs:

"Sometimes life hits you in the head with a brick. Don't lose faith. I'm convinced that the only thing that kept me going was that I loved what I did. You've got to find what you love. And that is as true for your work as it is for your lovers".

Pro-Canselor berkata, UUM terus mengorak langkah memenuhi tuntutan fardu kifayah dalam mendidik anak bangsa tanpa meletakkan nilai komersial sebagai teras utama.

"UUM telah mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran berasaskan kajian kes bagi memastikan graduan UUM sentiasa peka dengan perubahan dalam industri swasta dan sektor awam.

"Dalam mendepani alaf baru, graduan UUM bukan sahaja dibekalkan dengan kemahiran teknikal, bahkan yang lebih utama mereka diperlengkapkan dengan kemahiran berinovasi, kritikal, analitikal dan berdaya saing agar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang sentiasa berubah," katanya pada sesi kelapan Majlis Konvokesyen Ke-32 di dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Di samping itu, menurutnya, dalam dunia globalisasi yang sangat kompetitif, UUM harus sentiasa berusaha bagi memenuhi tuntutan keperluan pasaran di dalam dan di luar negara.

Katanya, dengan tenaga kerja yang tangkas, fokus, fleksibel, cekap dan berdaya saing, UUM berusaha menawarkan kualiti pendidikan yang tinggi berasaskan kecekapan dan piawaian untuk memenuhi keperluan pasaran.

"UUM juga sentiasa memastikan bahawa prinsip tadbir urus awam yang baik dilaksanakan secara sepenuhnya. Dengan reputasi kakitangan yang berintegriti, UUM mampu mengeluarkan graduan yang berdaya saing di peringkat domestik dan antarabangsa.

"Kepada graduan, tanamlah sikap kepimpinan yang dinamik, amanah dan berintegriti tanpa memikirkan ganjaran diperoleh untuk kepentingan diri dan keluarga tetapi untuk melonjakkan kecemerlangan dan kesejahteraan agama, bangsa dan negara.

"Dengan berbekalkan ilmu yang diperoleh dari UUM, saya mendoakan agar graduan yang hadir pada hari konvokesyen ini akan berjaya dalam setiap bidang yang diceburi," katanya yang menyampaikan ijazah kepada 755 graduan.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.